


Penggunaan Asbestos di Australia

- Australia merupakan salah sebuah negara pengguna asbestos tertinggi per kapita di dunia
- Asbestos digunakan secara meluas dalam industri pembinaan dan pembangunan, perkapalan dan pengeluaran
- Dianggarkan satu pertiga dari rumah yang dibina antara 1945 dengan lewat tahun 1980-an berkemungkinan mengandungi asbestos pada bahagian siling, tembok dalaman, atap, cucur atap, lapik pelindung luaran, bahagian basah dan jubin lantai vinil
- Asbestos digunakan secara meluas dalam pengeluaran pelbagai produk termasuk lapik brek, gasket dan kedap, paip dan penebat paip
- Pembuatan dan pemasangan pelbagai produk yang mengandungi krokidolit dan amosit asbestos telah diharamkan sejak 1985
- Menjelang lewat 1980-an, penggunaan apa jua asbestos dalam produk pembinaan diharamkan keseluruhannya
- The National Industrial Chemicals Notification and Assessment Scheme (Skim Pemberitahuan dan Penilaian Kimia Industri Kebangsaan – NICNAS) menerbitkan laporan awam lengkap tentang krisotil asbestos pada Februari 1999
- Pada 31 Disember 2003, pengharaman seluruh negara ke atas import dan semua penggunaan krisotil asbestos dikuatkuasakan.

EM14_0005 - Reprinted April 2015



Daftar Pendedahan Asbestos Kebangsaan

Pihak agensi menguruskan National Asbestos Exposure Register (Daftar Pendedahan Asbestos Kebangsaan) yang pertama. Daftar ini mengandungi butir-butir anggota masyarakat yang mungkin telah terdedah kepada asbestos.

Jika anda fikir anda mungkin terdedah kepada asbestos semasa bekerja, di rumah atau di kalangan masyarakat, anda boleh mendaftarkan butir-butir diri dalam daftar pendedahan kebangsaan, yang disediakan di laman sesawang kami www.asbestossafety.gov.au.

Semua maklumat yang terkandung dalam daftar akan dirahsiakan. Butir-butir peribadi tidak akan diberikan kepada pihak ketiga tanpa izin nyata daripada anda.



Gunakan kod QR untuk mendapatkan borang dalam talian di laman sesawang agensi.

Butir-Butir Hubungan

Sesawang: www.asbestossafety.gov.au
 E-mel: enquiries@asbestossafety.gov.au
 Telefon: 1300 326 148
 Twitter: @AsbestosSafety



Australian Government

Asbestos Safety and Eradication Agency

Usaha ke arah Australia yang bebas asbestos

Working towards an asbestos-free Australia

www.asbestossafety.gov.au





Sejarah

Pada tahun 2010, satu tinjauan meluas dilaksanakan oleh Kerajaan Australia demi mengajukan pelbagai saranan bagi rancangan strategik kebangsaan untuk menambah baik pengurusan asbestos di Australia.

Asbestos Management Review Report (Laporan Tinjauan Pengurusan Asbestos) yang disiarkan pada Ogos 2012 menyaranan satu rancangan strategik kebangsaan bagi meningkatkan kesedaran dan pengurusan asbestos di kalangan masyarakat umum. Tinjauan itu menyaranan agar ditubuhkan sebuah agensi kebangsaan bebas demi memandu pelaksanaan rancangan tersebut.

Agensi

Asbestos Safety and Eradication Agency (Agensi Keselamatan dan Pembasmian Asbestos) (agensi) ditubuhkan pada 1 Julai 2013 untuk memberi tumpuan di peringkat negara terhadap isu-isu asbestos, bukan dari segi keselamatan tempat kerja sahaja malah meliputi soal alam sekitar dan kesihatan awam.

Agensi ini bertujuan memastikan agar isu-isu asbestos mendapat perhatian dan tumpuan yang diperlukan demi mendorong perubahan ke seluruh peringkat pemerintah dan mengurangkan risiko penyakit berkaitan asbestos.

Asbestos Safety and Eradication Council (Majlis Keselamatan dan Pembasmian Asbestos)

Tugas agensi disokong oleh Majlis Keselamatan dan Pembasmian Asbestos (majlis). Pihak majlis memberi nasihat kepada Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan menteri tentang rancangan strategik kebangsaan serta aspek keselamatan asbestos yang lain.

Rancangan Strategik Kebangsaan

The National Strategic Plan for Asbestos Management and Awareness (Rancangan Strategik Kebangsaan bagi Pengurusan dan Kesedaran Asbestos) 2014-18 merupakan rancangan pertama sejenisnya. Rancangan ini menyelaraskan pendekatan di peringkat negara tentang pengurusan, pembasmian, pengendalian dan kesedaran asbestos di Australia. Pihak agensi bekerjasama dengan semua peringkat pemerintah dan pihak berkepentingan demi melaksanakan matlamat rancangan ini.

Tujuan rancangan ialah mencegah pendedahan kepada gentian asbestos demi membasmi penyakit berkaitan asbestos di Australia.

Matlamat rancangan ini adalah:

- Meningkatkan kesedaran orang ramai tentang risiko kesihatan yang timbul akibat bekerja dengan asbestos atau terdedah kepadanya
- Mengenal pasti dan berkongsi amalan terbaik dalam pengurusan, pendidikan, pengendalian, penyimpanan dan pelupusan asbestos
- Meningkatkan pengenalpastian dan penggredan asbestos serta perkongsian maklumat tentang lokasi bahan yang mengandungi asbestos
- Mengenal pasti bidang-bidang utama yang menimbulkan risiko daripada bahan mengandungi asbestos dan rintangan terhadap pembuangan asbestos secara selamat, serta meninjau infrastruktur pengurusan dan pembuangan demi mengangalkan kemampuan dan kadar pembuangan asbestos secara selamat
- Menugaskan, memantau dan mempromosi kajian ke arah pencegahan pendedahan asbestos dan penyakit berkaitan asbestos
- Menyokong peranan Australia sebagai pemimpin dalam kempen global demi pengharaman seluruh dunia terhadap perlombongan dan pengeluaran asbestos.

Rancangan ini boleh didapati di laman sesawang agensi di www.asbestossafety.gov.au

Penyakit Berkaitan Asbestos

- Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyatakan pendedahan kepada gentian asbestos boleh menyebabkan barah dan pelbagai penyakit lain, termasuk penyakit pleura, asbestosis, barah paru-paru dan mesotelioma
- WHO menyatakan tiada paras pendedahan minimum yang selamat bagi apa jua bentuk gentian asbestos
- Australia mengalami kadar kejadian penyakit berkaitan asbestos per kapita yang tertinggi dilaporkan di dunia, termasuk kadar tertinggi kejadian mesotelioma membawa maut dan tidak dapat diubati
- Pada 2012, 638 orang warga Australia meninggal dunia akibat mesotelioma.
- Dalam masa 20 tahun akan datang, dianggarkan 30,000 hingga 40,000 warga Australia akan didiagnosis menghidap penyakit berkaitan asbestos.

Fakta

- Asbestos merupakan istilah bagi sekumpulan enam gentian mineral alami
- Gentian tersebut tergolong sama ada dalam kumpulan Serpentin (krisotil atau asbestos putih) atau Amfibol (antofilit, amosit, krokidolit, tremolit dan aktinolit iaitu asbestos perang, kelabu atau biru)
- Asbestos sudah lama dianggap mineral yang sangat serba guna kerana sifat boleh lentur, kekuatan tegangan, penebatan haba atau elektrik, dan harga yang terjangkau.